



Dr Mahathir bersama sebahagian bekas ahli UMNO Sabah yang menyertai PPBM selepas sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana, di Putrajaya, semalam.

# BERSATU terima banyak permohonan dari Sabah

BH - 16/3/2019  
m/s: 2

➔ Parti akan dilancarkan peringkat negeri 6 April: Dr Mahathir

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

**E**mpat Ahli Parlimen, dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan dua senator Sabah menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), semalam.

Empat Ahli Parlimen berkenaan yang juga bekas Ahli Parlimen UMNO ialah Datuk Abdul Rahim Bakri (Kudat), Datuk Azizah Mohd Dun (Beaufort), Datuk Zakaria Edris (Libaran) dan Datuk Seri Ronald Kian-dee (Beluran).

Dua ADUN ialah Datuk Seri Hajiji Noor (Sulaman) dan Datuk Seri Masidi Manjun (Karanaan), manakala dua senator ialah Datuk Abdul Ghani Mohamed Yassin dan Datuk

John Ambrose.

## Terima kad keahlian

Semua mereka menerima kad keahlian parti daripada Pengerusi BERSATU, Tun Dr Mahathir Mohamad di Yayasan Kepemimpinan Perdana di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, BERSATU menerima banyak permohonan daripada rakyat Sabah untuk menyertai parti itu walaupun BERSATU hanya akan dilancarkan di negeri itu pada 6 April ini.

Katanya, walaupun BERSATU adalah anggota Pakatan Harapan (PH), parti itu tetap memberi sokongan penuh kepada Parti Warisan Sabah (WARISAN) yang menjadi kerajaan negeri itu.

“Kita juga berikan tempat kepada WARISAN walaupun Warisan bukan ahli PH. Kita berikan tempat

dalam kerajaan, iaitu tiga menteri dan dua timbalan menteri.

“Kita menyokong kerajaan yang ditubuh WARISAN di Sabah. Itu pendirian keempat-empat parti dalam PH.

“Ini bermakna ahli BERSATU di Sabah akan sokong kerajaan WARISAN yang ada.

“Kita tidak ada niat mengetepikan atau mengganti WARISAN,” katanya pada sidang media selepas menyerahkan kad keahlian BERSATU kepada lapan wakil rakyat Sabah di sini.

## Perlu jadi Ahli Parlimen Bebas, kaji komitmen

Ditanya mengenai penyertaan Ahli Parlimen Sipitang, Yamani Hafez Musa ke parti BERSATU, Dr Mahathir berkata, pihaknya akan melihat perkara itu terlebih dahulu.

“Beliau perlu menjadi Ahli Par-

limen Bebas terlebih dahulu. Kita perlu kaji rekod dan komitmen beliau kepada BERSATU dan PH,” katanya.

Mengenai penyertaan enam lagi ADUN Sabah ke parti itu, Dr Mahathir berkata, mereka akan menyertai BERSATU.

Sementara itu, ditanya sama ada Ronald perlu meletak jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) kerana jawatan itu adalah untuk Ahli Parlimen pembangkang, Dr Mahathir berkata, ia tidak perlu kerana tidak membabitkan dasar dalam kerajaan dan sebahagian daripada perlembagaan.

Mengenai pencalonan Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Dr Noraini Ahmad oleh Barisan Nasional (BN) sebagai Pengerusi PAC, beliau berkata, mereka perlu mendapatkan sokongan majoriti.